

bah

KAMPUNG BOLEH SEMAJU BANDAR JIKA RAKYAT TERIMA PERUBAHAN

LEAD Mahathir-Kampung (Bergambar)

HULU LANGAT, 23 Julai (Bernama) -- Kampung-kampung boleh maju dan mendapat keistimewaan seperti di bandar jika penduduknya sanggup menerima perubahan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Sejajar dengan itu, Perdana Menteri meminta penduduk kampung melengkapkan diri dengan kebolehan yang diperlukan dalam zaman moden supaya tidak ketinggalan dalam arus perubahan.

Ketika berucap melancarkan +Program Kampungku+ Negeri Selangor di padang awam Pekan Batu 14 di sini, beliau berkata kemajuan tidak akan bermakna jika penduduk kampung masih ketinggalan.

Dr Mahathir berkata kerajaan boleh mengadakan pelbagai dasar dan membawa perubahan ke kampung-kampung, tetapi yang akan menentukan kejayaan ialah kesanggupan penduduk untuk menerima perubahan.

Isteri beliau, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Haji Muhammad dan isteri serta Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat ialah antara lebih 10,000 orang yang menghadiri pelancaran program itu, yang bertujuan antara lainnya, membawa perubahan sikap di kalangan penduduk kampung untuk menerima pembaharuan. -- Lagi

▼23/07/12-29MST

bah

LEAD Mahathir-Kampung 2 Hulu Langat

Dr Mahathir berkata tidak ada sesuatu yang mustahil dicapai oleh penduduk kampung, termasuk melahirkan anak yang boleh memimpin negara dan memegang jawatan tinggi.

+...Bukan dari mana kita datang yang penting tetapi kesanggupan kita untuk berusaha dan mengamalkan kebolehan diri sendiri,+ katanya.

Beliau juga mahukan penduduk kampung menolak golongan yang menghasut mereka supaya jangan menerima pembangunan.

+Akan ada penghasut-penghasut seperti itu yang mempunyai kepentingan politik dengan tidak mpedulikan sama ada penduduk kampung terus hidup dalam keadaan tidak selesa,+ katanya.

Golongan yang menghasut itu, kata Perdana Menteri, juga mahu melambatkan pembangunan negara supaya Malaysia tidak boleh bersaing dengan negara-negara maju. -- Lagi

▼23/07/12-51MST

CNS3170

U GB 23-07. 00142 BA556

bah

LEAD Mahathir-Kampung 3 Hulu Langat

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak berniat buruk dalam usaha memajukan kampung-kampung kerana ia mahu penduduk menikmati taraf hidup yang lebih baik.

+Kampung-kampung hendaklah lebih tersusun dan diatur dengan cara yang akan menghasil pendapatan bertambah... tanah tidak boleh dibiarkan dan bangunan tidak boleh didirikan begitu sahaja tanpa mengambil kira kegunaan tanah secara ekonomik,+ katanya.

Sepanduk-sepanduk dengan ungkapan yang menyebut Dr Mahathir sebagai +Wira Dunia Ketiga+ dan +Bapa Pembangunan Malaysia+ kelihatan di segenap sudut dan jalan masuk menuju ke pekan ini.

Sambutan untuk Perdana Menteri hari ini juga bertujuan menyanjung kelantangan beliau membela nasib negara-negara membangun dalam forum antarabangsa termasuk Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro baru-baru ini.

Dr Mahathir berkata, amatlah mudah untuk bercakap lantang dalam arena antarabangsa +kerana ia hanya memerlukan lidah+. -- Lagi

▼23/07/12-52MST

CNS3171

U GB 23-07 00082 BA557

bah

LEAD Mahathir-Kampung 4 (Akhir) Hulu Langat

+Tetapi kelantangan itu tidak bermakna melainkan keadaan dalam negara adalah aman dan mencapai kemajuan yang membanggakan,+ katanya.

Dr Mahathir berkata, walaupun Malaysia belum mencapai tahap negara maju, masyarakat dunia mengakui Malaysia pesat membangun.

Beliau berkata, pembangunan pesat negara dilakukan dengan adanya kestabilan politik menerusi corak pemerintahan kerajaan Barisan Nasional yang memberikan tempat kepada semua kaum.

Perhimpunan itu disiarkan secara langsung oleh RTM. -- Bernama

▼23/07/12-52MST